



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **25 Dec2021 (Saturday)**

### **Berita Harian**

MOSTI aktif 20 dron hantar ubat, makanan	1
'Henti salahkan cuaca, tangan kita sebenarnya jadi punca'	2

### **Utusan Malaysia**

Sampah berair makin busuk	3
Pelamin anganku musnah	4

### **Harian Metro**

Bekalan air di 21 kawasan di Hulu Langat pulih	5
Selangor mahu bantuan tenaga kerja sukarelawan diselaras	6
Antara sampah pukal	7

### **Kosmo**

Richwell sumbang RM500,000 pasca banjir Shah Alam	8
'Bom jangka' ancam 500 penduduk	9

### **Sinar Harian**

Sukarelawan perlu maklum kepada kerajaan negeri untuk koordinasi	10
Sri Muda, projek terancang atau 'jerangkap samar'?	11
MBPJ buktikan kecemerlangan	12

### **The Star**

COMPOUND DISCOUNT	13
Selfless in the hour of need	14

### **New Straits Times**

Cheras Batu 11 plant resumes operations	15
---	----

### **China Press**

A great deal of worries that can't be carried away!	16
Victims of the disaster expose service workers for making fortunes out of the disaster; they want money for collecting rubbish? Ignore them!	17
Rodziah: To facilitate the clean up of the disaster-hit areas, the people need to provide accurate information	18
KDEBWM entered the 8 districts of Selangor for 4 days to conduct clean-ups; the floods washed out 2,376 tons of rubbish	19

### **Sin Chew Daily**

The rubbish after the disaster is shocking; a car dragon appears at the rubbish dump	20
Selangor MB: Water conservancy project in this year was affected by MCO, Selangor will allocated RM60 million to flood prevention	21

### **Guang Ming Daily**

Menteri Besar of Selangor: Selangor government allocates RM60 million for flood prevention projects next year, and it has been included in the financial case	22
Ng Chok Sin criticized the Selangor government slashing RM3 billion in flood prevention projects	23
Rubbish from the floods exceeds 1000 tons everyday; major traffic jam of lorries occurs at the rubbish dumps	24



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



The amount of rubbish has increased after the flood; Klang municipal council will mobilise manpower to clean up the aftermath



**KERATAN AKHBAR**  
**25 December 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	MOSTI aktif 20 dron hantar ubat, makanan
Muka Surat	:	4



*Dron digunakan bagi menghantar bekalan kritikal seperti ubat-ubatan, makanan dan 'powerbank' di beberapa kawasan sekitar Selangor.*

## MOSTI aktif 20 dron hantar ubat, makanan

**Putrajaya:** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengaktifkan 20 dron bagi menghantar bekalan kritikal seperti ubat-ubatan, makanan dan 'powerbank' di beberapa kawasan sekitar Selangor.

MOSTI dalam kenyataannya berkata, dron itu dikendalikan oleh Pasukan Petugas Kecemasan Perkhidmatan Dron Khas (PTK2Dron), yang diselaraskan oleh Taman Teknologi Malaysia (TPM).

Penggunaan dron itu turut mendapat kerjasama daripada beberapa syarikat dron tempatan, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan Unit Pengurusan Bencana Selangor (UPBN).

"Dron pemantauan dan penghantaran khas ini sudah digerakkan ke beberapa kawasan terjejas banjir di Selangor, antaranya di Taman Sri Muda, Kampung Lombong dan Lanchong, Kampung Lanchang Jaya, Taman Alam Indah, dan Kampung Jalan Kebun.

"Pengendalian dron ini sudah diuji lebih awal di Perak pada Oktober lalu dan didapati lebih berkesan dari segi penjimatan masa serta kos sebagai alternatif kepada kaedah logistik seperti menggunakan bot," katanya,

Dalam pada itu, MOSTI turut mengucapkan terima kasih kepada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan Kementerian Pengangkutan atas kerjasama mereka untuk meluluskan penerbangan dron di kawasan bencana berkenaan.



**KERATAN AKHBAR**  
**25 December 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'Henti salahkan cuaca, tangan kita sebenarnya jadi punca'
Muka Surat	:	13

# 'Henti salahkan cuaca, tangan kita sebenarnya jadi punca'

Tan Sri Lee Lam Thye,  
 Pengerusi  
 Ikatan Komuniti  
 Selamat

**Banjir** besar melanda menyebabkan puluhan ribu kehilangan tempat tinggal di beberapa negeri, serta merosakkan harta benda.

Sesetengah mungkin cenderung mengata-kan kita patut lebih bersedia menghadapi kesan buruk akibat Taufan Rai Super, jika mempelajari pengajaran pahit tentang banjir besar melanda kita 50 tahun lalu.

Namun kali ini, kita terperangkap dalam kea-adaan lebih dahsyat. Jadi, apakah pengajaran yang gagal kita pelajari?

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menjelaskan bahawa mereka sudah mengeluarkan amaran mengenai kemungkinan hujan lebat tidak berhenti beberapa hari sebelum kejadian tragis itu.

Namun amaran merah hanya dikeluarkan Sabtu, beberapa jam selepas banjir melanda Lembah Klang. Sepatutnya, 'penggera' amaran merah di-bunyikan lebih awal.

Jelas sekali, kita perlu mewujudkan sistem aman-aran awal yang proaktif dan boleh dipercayai. Sis-tem sedemikian mesti mencapai segmen masya-rakat paling terdedah dan digunakan pada masa paling efisien.

Walaupun pihak berkuasa menjelaskan amaran tentang hujan lebat sudah diberi melalui saluran berita televisyen, perkara dipertikaikan adalah be-rapa ramai dalam kumpulan terdedah dapat me-nonton saluran berita mengikut waktu ditetapkan?

Rakyat terdedah biasanya dalam kelompok B40. Perhatian utama mereka setiap hari bukan me-nonton berita, tetapi menangani isu makanan harian untuk diri dan keluarga.

Itulah sebabnya sistem amaran awal sedemikian mesti dimaklumkan cepat kepada mereka di ka-wasan terdedah yang lokasinya sedia diketahui pi-hak berkuasa.

Sebahagian mangsa membuat panggilan kecema-san ke 999, tetapi mengadu mengalami kesukaran kerana panggilan mereka tidak dijawab. Mungkin pekerja penyelamat sudah terlalu sibuk.

Sungguh menggembirakan melihat begitu ramai

individu, badan bukan kerajaan (NGO) dan per-tubuhan agama dengan cepat tampil menawarkan bantuan makanan serta keperluan lain kepada me-reka yang terpaksa menghabiskan sehingga 12 jam di atas bumbung, kesejukan dan kelaparan.

Wakil persatuan kediaman, kuil, gereja, masjid, ahli kelab Rotary dan lain-lain dengan pantas me-nawarkan bantuan kepada mangsa.

Sultan Selangor menggesa diwujudkan 'pelan tin-dakan lebih komprehensif' terutama apabila ber-hadapan cuaca tidak dijangka. Ini rayuan kema-nusiaan yang mengakui hakikat sehingga kini, rancangan itu belum menyeluruh.

Kerajaan Persekutuan dengan cepat membuat langkah bantuan, termasuk bantuan tunai sedia ada RM1,000 untuk mangsa. Namun nampaknya ada kekeliruan dalam pelaksanaannya.

Beberapa mangsa banjir mengunjungi pejabat daerah di Petaling Jaya untuk memohon RM1,000 itu, tetapi dimaklumkan mereka tidak tahu apa-apa

dan menasihati mangsa membuat laporan polis.

Adakah ini kes tangan kiri tidak tahu apa di-lakukan tangan kanan? Pasti rakyat berhak me-dapat lebih baik.

Kerajaan juga memperuntukkan RM100 juta un-tuk membaiki rumah rosak atau musnah akibat kenaikan air. Namun RM100 juta hampir tidak mencukupi. Kerajaan harus menjalankan kajian terperinci tentang kerosakan harta benda di semua negeri dan komited menyediakan bantuan kewang-an mencukupi untuk membaiki dan membina semula.

Untuk jangka masa panjang, pihak berkuasa mesti menunjukkan kemahuan dan menyediakan sumber mencegah bencana disebabkan aktiviti me-rosakkan.

Sedikit sahaja inisiatif dilakukan untuk menamb-ah baik sistem perparitan dibina dan disediakan untuk menangani kemarahan alam semula jadi pada 1940-an, ketika kita hanya mempunyai pu-pulasi kira-kira lima juta.

Dalam banyak kes, sistem perparitan tidak dapat mengendalikannya struktur dan penempatan diperlu-kan hari ini. Kita juga tidak boleh membenarkan pemaju tidak bertanggungjawab menceroth tem-pat sensitif alam sekitar seperti hutan dan kawa-san berbukit dan gambut. Kita harus pastikan tiada pencerobohan tanah secara besar-besaran.

Aliran air permukaan akibat pemotongan tum-buh-tumbuhan dan pokok akan memburukkan lagi banjir semasa hujan lebat.

Ini terpakai untuk pembangunan fizikal serta pembersihan kawasan hutan untuk pemalakan dan pertanian mega. Kemudian, terdapat kegaga-lan melakukan pemeriksaan keselamatan kerap di cerun dan pembangunan di lereng bukit.

Kita harus berhenti menyalahkan cuaca untuk banjir dan malapetaka lain. Alam hanya bertindak balas terhadap perbuatan kita yang tidak senonoh dan kegagalan berdamai dengan alam sekitar.

Undang-undang alam menyatakan jika kita men-jaga alam, alam akan menjaga kita.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 December 2021</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sampah berair makin busuk
Muka Surat	:	5

# Sampah berair, makin busuk

Oleh **MOHAMADA ATHIR ISMAIL** dan **MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS**  
 utusannews@mediamulla.com.my

**SHAH ALAM:** Sampah yang terkumpul akibat banjir yang melanda di negeri Selangor pada hujung minggu dijangka melepasi 1,000 tan metrik apabila semakin banyak barangan yang rosak dan musnah dikumpulkan dari kawasan-kawasan yang terjejas.

Di Shah Alam sahaja, setakat kelmarin sebanyak 824 tan metrik sampah dikumpulkan dari seluruh kawasan di bandar raya itu membabitkan 27 kawasan yang ditenggelami air.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Zamani Ahmad Mansor memaklumkan terdapat dua kawasan kritikal kini sedang diberi fokus oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) iaitu di Taman Sri Muda, Seksyen 25 dan Padang Jawa, Seksyen 16.

Menurutnya, MBSA turut menerima bantuan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Alam Flora.

"Insya-Allah pada malam ini ada pasukan dari Kelantan dan Kedah juga akan bantu," katanya kepada pemberita di Bilik Gerakan Banjir MBSA di sini.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* di Taman Sri Muda mendapati penduduk menghadapi masalah barang buangan yang berair dan berbau.

Tempat letak kereta sekitar rumah pangsa dan tepi jalan di kawasan rumah yang terjejas teruk dengan banjir besar selama lima hari itu, menjadi tem-



**TIMBUNAN** sampah akibat bencana banjir juga dapat dilihat di sepanjang jalan dari Batu 12 hingga ke Batu 18 Hulu Langat berikutan kelewatan pihak berkuasa mengutip dan melupuskannya.

pat pengumpulan sampah apabila kerja pembersihan bermula.

Rata-rata penduduk berharap, sampah yang dikumpulkan dapat dikutip dengan segera supaya tidak timbul masalah lain pula seperti serangan haiwan dan serangga perosak.

Penduduk di Jalan Pesona 25/116, Noor Azura Sahril, 37, berkata, semua barang perib-

adi saya, suami dan anak kena dibuang sebab banyak tak boleh dipakai, belum lagi kira barang dapur seperti barangan basah dan kering yang sememangnya berbau sebab terlalu lama tenggelam banjir.

Hasnani Abu Bakar, 37, yang tidak menyangka terpaksa membuang hampir keseluruhan barangan dalam rumah selepas

kali pertama berhadapan dengan banjir besar sedemikian.

"Saya pulang dari PPS semalam selepas diberitahu air sudah surut, tengok keadaan rumah memang teruk, walaupun tidak sampai 24 jam surut, tetapi bau cukup memualkan dan saya terpaksa buang banyak sangat barang kerana tak boleh digunakan lagi," katanya.



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>25 December 2021</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pelamin anganku musnah
Muka Surat	:	11

# 'Pelamin anganku musnah'

Oleh **SITI A'ISYAH SUKAIMI**  
 utusannews@mediamulia.com.my

**DENGKIL:** Kejadian banjir pada Sabtu lalu meninggalkan kenangan paling tragis bagi pengantin baharu, Siti Faseha Zainuddin, 31, dan Muhammad Hafiz Keliwon, 30, apabila bencana itu memusnahkan semua barangan majlis perkahwinan mereka.

Lebih menyedihkan, pasangan mempelai itu sepatutnya bersanding di atas pelamin pada hari berkenaan, namun ia hanya tinggal angan-angan kerana ia rosak tanpa sempat merakam gambar sekali pun.

Mengimbu kembali kejadian itu, anak sulung daripada lima beradik itu berkata, hari berkenaan sepatutnya berlangsung majlis perkahwinannya selepas majlis akad nikah diadakan pada sebelah pagi.

"Kami bernikah pada 10 pagi di Masjid Jameatus Solehah, Dengkil dan habis sahaja nikah, kami pulang ke rumah. Waktu itu air sudah ada di luar rumah dan kami sangka banjir 'biasa-biasa' sahaja memandangkan ia sering berlaku sewaktu hujan.

"Orang tua-tua ada cakap, kalau hujan baling baju di atas bumbung dan saya ikut sahaja. Hujan berhenti, tidak tahulah sama ada ia betul atau sebaliknya atau hanya kebetulan sahaja.

"Bagaimanapun pada pukul 10.30 pagi, air naik hingga ke bahagian luar pintu rumah dengan cepat, seterusnya masuk ke ru-



**GAMBAR** kenangan yang sempat dirakam pengantin Siti Faseha Zainuddin dan Muhammad Hafiz Keliwon dalam banjir di Kampung Cemperai, Dengkil, Selangor.

mah. Habis pelamin kami, tidak sempat bergambar kerana banjir," katanya.

Siti Faseha berkata, berikutan banjir tersebut, makanan yang ditempah bagi majlis kenduri untuk menjamu 550 tetamu kemudian dibungkus serta diagihkan kepada tetamu dan orang ramai.

Kakitangan Majlis Perbandaran Sepang itu memberitahu, tetamu juga tidak sempat sampai kerana jambatan di laluan utama ditutup, manakala laluan ke rumah pula dinaiki air.

"Jadi makanan tersebut kami edarkan kepada tetamu yang sempat datang serta sesiapa sahaja yang kami jumpa di jalan.

"Saya dan suami hanya bergambar kenangan memakai baju nikah di kawasan banjir. Alhamdulillah, saya sempat menyelamatkan baju pengantin yang disewa dan hadiah pemberian tetamu juga basah terkena banjir," katanya. Turut meninggalkan kesan berikutan bencana itu, kesemua barangan kenangan bersama arwah ayah yang meninggal dunia pada

April 2016 turut lenyap dibawa arus banjir.

"Banyak yang rosak termasuk almari dibeli arwah ayah diletakkan di dalam bilik saya serta perabot lain rosak berikutan rumah dinaiki air hampir ke siling," ujarnya.

Dalam pada itu, tinjauan di sekitar Kampung Cemperai di sini mendapati, rumah-rumah di kawasan tersebut antara yang terjejas teruk kerana lokasi berdekatan dengan sungai serta air naik hampir paras siling.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 25 December 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bekalan air di 21 kawasan di Hulu Langat pulih
Muka Surat	:	17

# Bekalan air di 21 kawasan di Hulu Langat pulih



AIR Selangor memaklumkan pihaknya sedang berusaha sebaik mungkin memastikan loji dapat beroperasi pada kapasiti optimum.

**Kuala Lumpur:** Status pemulihan bekalan air di 21 daripada 28 kawasan di Wilayah Hulu Langat yang terjejas sudah pulih sepenuhnya pada jam 6 pagi semalam, berikutan Loji Rawatan Air (LRA) di Batu 11 Cheras mula beroperasi.

Bagaimanapun, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dalam satu kenyataan memaklumkan pihaknya kini sedang berusaha sebaik mungkin untuk memastikan loji dapat beroperasi pada kapasiti optimum.

"Bekalan air bersih dapat dibekalkan semula kepada pengguna di kawasan yang terjejas secara berperingkat-peringkat, sehingga pemulihan penuh dicapai.

"Antara kawasan masih belum pulih adalah Taman Bukit Sungai Long, Taman Bukit Suria, Taman Sejati, Taman Sinar Harapan Cheras, Taman Taming Indah, Taman Tropicana Cheras

dan Taman Wira Heights," menurut kenyataan.

Dalam pada itu, Air Selangor bagaimanapun memberitahu bantuan alternatif melalui lori tangki masih lagi digerakkan ke kawasan terjejas dengan memberi keutamaan kepada premis-premis kritikal sepanjang tempoh gangguan bekalan air tidak berjadual.

Sebelum ini dilaporkan terdapat beberapa LRA dihenti tugas kerana paras air yang meningkat dan penutupan kecemasan bekalan elektrik Ahad lalu.

Pengguna boleh merujuk kepada saluran komunikasi rasmi seperti aplikasi dan media sosial Air Selangor atau menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan Air Selangor di 15300 sementara pertanyaan dan aduan boleh dikemukakan di Pusat Bantuan Pelanggan melalui laman sesawang [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com).



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 December 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Selangor mahu bantuan tenaga kerja sukarelawan diselaras
Muka Surat	:	18

# Selangor mahu bantuan, tenaga kerja sukarelawan diselaras

**Kuala Lumpur:** Badan bukan kerajaan, agensi dan sukarelawan yang menyertai misi bantuan mangsa banjir di Selangor perlu memaklumkan kehadiran mereka kepada kerajaan negeri, menurut Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari.

Beliau berkata, pemakluman ini akan memudahkan kerajaan negeri menerusi Majlis Sukan Negeri bagi mengkoordinasikan pergerakan sukarelawan dan seterusnya menumpukan kawasan yang lebih memerlukan bantuan.

“Saya jangkakan menjelang perayaan Krismas jumlah kehadiran (sukarelawan) akan lebih ramai, saya perlu melihat bagaimana koordinasi dapat dibuat.

“Bukan ingin menghalang (bantuan dan sukarelawan), tetapi mengelakkan sebarang pembaziran tenaga dan kerja, kerana penumpuan yang kurang di satu tempat tapi terlebih

tumpu di satu tempat yang lain,” katanya dalam temu bual eksklusif bersama Bernama Radio, semalam.

Amirudin berkata, pihaknya mendapati kesesakan luar biasa berlaku di Hulu Langat kelmarin berikutan pergerakan masuk sejumlah besar petugas dan sukarelawan dari luar.

Oleh itu, beliau mengarahkan Exco Generasi Muda, Sukan dan Modal Insan Selangor Mohd Khairuddin Othman dan Pegawai Daerah Hulu Langat, untuk berjumpa dengan pihak terbabit bagi membantu koordinasi serta mengelakkan kesesakan dan ketidakselesaian di beberapa lokaliti.

Terdahulu, media melaporkan kerajaan negeri itu sudah menubuhkan Pusat Koordinasi Sukarelawan Selangor bagi menyelaras semua bantuan dan tenaga kerja sukarelawan yang ingin membantu misi bantuan bencana banjir di kawasan terbabit.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **25 December 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Antara sampah pukat
Muka Surat	:	26



ANTARA sampah pukat mangsa banjir yang diuruskan oleh KDEB Waste Management Sdn Bhd iaitu syarikat penuh milik kerajaan negeri Selangor di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Seksyen 21, Shah Alam ketika tinjauan, semalam.

\*\*\*\*\*



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 25 December 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Richwell sumbang RM500,000 pasca banjir Shah Alam
Muka Surat	:	6



**ZAMANI** (kanan) memberikan penerangan pemantauan banjir kepada **Nasrul Hadi** (tengah) di Bilik Gerakan MBSA, Shah Alam semalam.



**NASRUL HADI** (dua kanan) menyerahkan replika cek RM500,000 kepada **Zamani** (dua kiri) bagi membantu penduduk Shah Alam menghadapi pasca banjir di Wisma MBSA, Shah Alam semalam.

## RichWell sumbang RM500,000 pasca banjir Shah Alam

**SHAH ALAM** – Simpati terhadap nasib mangsa banjir daerah ini mendorong Pertubuhan Kebajikan RichWell (RichWell) menyumbangkan RM500,000 bagi proses pemulihan pasca banjir.

Naib Presiden Kewangan RichWorks International Sdn. Bhd. (RichWorks), Nasrul Hadi Shukran Jamil berkata, sumbangan itu adalah daripada 300 usahawan yang dibimbing secara dekat oleh Mentor Usahawan dan Pengerusi RichWorks, Datuk



Justeru, sumbangan wang tunai disalurkan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk pembelian barangan seperti alat elektronik sesuai dengan fasa pemulihan ketika ini.”

**NASRUL HADI**

Wira Dr. Azizan Osman.

Katanya, bantuan tersebut bagi membantu kelangsungan hidup bagi semua mangsa banjir

kembali hidup seperti biasa.

“Kami faham Shah Alam antara kawasan runcing yang terkesan akibat banjir, tambahan pula

pejabat kami juga di daerah ini.

“Justeru, sumbangan wang tunai disalurkan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk pembelian barangan seperti alat elektronik sesuai dengan fasa pemulihan ketika ini,” katanya ketika ditemui pemberita di sini semalam.

Terdahulu, beliau menyerahkan replika cek bernilai RM500,000 kepada MBSA yang diwakili Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Zamani Ahmad Mansor.

Sementara itu, Zamani menzahirkan penghargaan kepada pihak RichWorks dalam membantu mangsa banjir di Shah Alam.

“Bantuan makanan kita telah banyak perolehi dan sumbangan ini akan digunakan bagi proses pembersihan dan pemulihan.

“Kita ada 24 Ahli Majlis MBSA dan salurkan pembelian seperti water jet, periuk nasi dan barangan penting kepada penduduk yang terjejas,” jelasnya.



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>25 December 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	'Bom jangka' ancam 500 penduduk
Muka Surat	:	12

## 'Bom jangka' ancam 500 penduduk

**KUALA LANGAT** – Kira-kira 500 penduduk di Lorong Jaya Sepakat 2, Kampung Lombong, di sini bimbang apabila berdepan masalah mendapan tanah sedalam tiga meter akibat banjir sejak Isnin lalu.

Mendapan yang diibarat 'bom jangka' itu dipercayai terbentuk hasil pertembungan air dari Sungai Klang dan sebuah bekas tapak lombong itu yang jaraknya kurang 10 meter dari kediaman penduduk.

Seorang penduduk, Muhamad Farid Aidi Ahmad, 39, yang tinggal paling dekat dengan lokasi runtuhannya itu mula berpindah keluar sejak malam Jumaat lalu.

"Selepas beberapa hari bermalam di rumah keluarga, saya pulang semula ke kediaman untuk mengambil barang dan mengalihkan kenderaan petang Isnin lalu.

"Namun, saya terkejut melihat tanah di hadapan rumah sudah runtuh seluas kira-kira 50 meter," kata kakitangan swasta itu ketika ditemui semalam.

Sebanyak 80 kediaman penduduk di kawasan berkenaan terjejas banjir dan dinaiki air setinggi kira-kira 1.5 meter.

Bagi pemilik tanah, Aidi Ahmad Soriani, 54, terpaksa me-



**PENDUDUK menunjukkan tanah mendap sedalam tiga meter di Kampung Lombong, Kuala Langat semalam.**

minta penyewa empat buah rumahnya supaya berpindah keluar kerana kawasan itu masih tidak selamat diduduki setakat ini.

"Saya cuma bimbang runtuhannya lebih teruk berlaku dan kawasan rumah kami ini ibarat bom jangka yang boleh runtuh pada bila-bila masa.

"Pihak bertanggungjawab termasuk Pejabat Daerah dan

Tanah (PDT) Kuala Langat turut hadir meninjau lokasi runtuhannya kelmarin. Saya berharap ada tindakan segera," kata bapa kepada tiga anak itu.

Sementara itu, Nurhalidah Mohammed Khalim, 29, yang baru habis berpantang bimbang dengan situasi tersebut dan kini terpaksa menumpang rumah ahli keluarga lain.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 25 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sukarelawan perlu maklum kepada kerajaan negeri untuk koordinasi
Muka Surat	:	3

### Sukarelawan perlu maklum kepada kerajaan negeri untuk koordinasi

**KUALA LUMPUR** - Badan bukan kerajaan, agensi dan sukarelawan yang menyertai misi bantuan mangsa banjir di Selangor perlu memaklumkan kehadiran mereka kepada kerajaan negeri, menurut Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Beliau berkata, pemaklumkan itu akan memudahkan kerajaan negeri mengkoordinasikan pergerakan sukarelawan, dan seterusnya menumpukan kawasan yang lebih me-

merlukan bantuan.

“Saya jangkakan menjelang perayaan Krismas hujung minggu ini, jumlah kehadiran (sukarelawan) akan lebih ramai, saya perlu melihat bagaimana koordinasi dapat dibuat.

“Bukan ingin menghalang (bantuan dan sukarelawan) tetapi mengelakkan sebarang pembaziran tenaga dan kerja, kerana penumpuan yang kurang di satu tempat tapi terlebih tumpu di satu tempat yang

lain,” katanya dalam temu bual eksklusif bersama *Bernama Radio* pada Jumaat.

Amirudin berkata, pihaknya mendapati kesesakan luar biasa berlaku di Hulu Langat pada Khamis berikutan pergerakan masuk sejumlah besar petugas dan sukarelawan dari luar.

Oleh itu, beliau mengarahkan Exco Generasi Muda, Sukan dan Modal Insan Selangor, Mohd Khairuddin Othman dan

Pegawai Daerah Hulu Langat, untuk berjumpa dengan pihak terlibat bagi membantu koordinasi serta mengelakkan kesesakan dan ketidakselesaan di beberapa lokaliti.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan kerajaan negeri itu telah menubuhkan Pusat Koordinasi Sukarelawan Selangor bagi menyelaras semua bantuan dan tenaga kerja sukarelawan yang ingin membantu misi bantuan bencana banjir di kawasan terlibat. - *Bernama*



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 December 2021</b>		
Akbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sri Muda, projek terancang atau 'jerangkap samar'?
Muka Surat	:	10



**ANALISIS**  
 KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

# Sri Muda, projek terancang atau 'jerangkap samar'?

**T**ragedi banjir besar yang melanda Lembah Klang pada hujung minggu lalu menyebabkan ribuan mangsa berdepan pèrit jerih antaranya terpaksa memanjat bumbung rumah untuk berlindung dan kehabisan bekalan makanan selepas berjam-jam terperangkap dalam banjir.

Di daerah Petaling, kawasan paling teruk terjejas pastinya Taman Sri Muda, Seksyen 25 di Shah Alam yang menyaksikan lebih 14 mangsa banjir terkorban setakat ini - angka tertinggi yang direkodkan dalam kejadian banjir.

Berdasarkan penjelasan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, penduduk di Taman Sri Muda terperangkap dalam fenomena 'banjir termenung' kerana air tidak dapat dialirkan keluar ke Sungai Klang.

Hal ini disebabkan masalah pam air yang tidak berfungsi selain tersepit di antara dua sungai utama iaitu Sungai Damansara dan Sungai Klang sewaktu air laut pasang besar terjadi.

Namun apa yang mengejutkan ialah pendedahan Ketua Pasukan Rasuah Busters, Datuk Hussamuddin Yaacob yang menerima maklumat dari individu yang ada kredibiliti, bahawa kawasan itu sepatutnya dibina kolam takungan air banjir. Beliau mengesah pihak berkuasa membuat siasatan sama ada wujud amalan rasuah dalam projek perumahan di lokasi itu.

Justeru, persoalan paling utama, adakah benar projek pembangunan di Taman Sri Muda adalah terancang atau sekadar bermotifkan keuntungan yang akhirnya menjadi jerangkap samar?

Menyelami sejarah kewujudan Taman Sri Muda, sebuah artikel tulisan Penyelidik Bersekutu Weatherhead Center For International Affairs, Harvard University, Dr Mohd Faizal Musa menceritakan kawasan itu berasal dari Merton Estate yang berada di Lot 28, Mukim Klang, berkeluasan 58,475 hektar.

Mohd Faizal atau lebih dikenali Faisal Tehrani menjelaskan, kawasan estet ber-



**MOHAMAD KHIR**



**MUHAMMAD**



Pintu air di Taman Sri Muda, Seksyen 25 Shah Alam sudah beroperasi semula walaupun kerja-kerja pembersihan di kawasan itu berdepan kesukaran sejak Selasa.

kanaan dibeli sebuah syarikat pemaju, yang kemudiannya membangunkan kawasan terbabit pada 17 Februari 1982 sebelum dibuka secara rasmi pada tahun 1991.

Pada ketika itu terdapat pandangan kontra mengenai impak pembangunan Taman Sri Muda sejak ia diwujudkan.

Ada beberapa penulisan ilmiah berpendapat bahawa kawasan itu bukan sebuah penempatan berbahaya untuk didiami, bahkan dianggap selamat daripada banjir.

Namun pada masa sama, beliau turut mengemukakan naratif bertentangan berdasarkan hasil perbincangan orang awam yang merujuk Taman Sri Muda sebagai kawasan terancam disebabkan himpitan Sungai Klang dan Sungai Damansara.

Berdasarkan pembentangan pandangan yang bertentangan itu, bekas Menteri Besar Selangor, Dr Mohamad Khir Toyo sewaktu dihubungi mengakui pelaksanaan projek pembangunan perumahan di Taman Sri Muda di peringkat awalnya berdepan pel-

bagai masalah.

Kurang pasti mengenai pihak bertanggungjawab membangunkan kawasan itu, Mohamad Khir menjelaskan, pembangunan Taman Sri Muda mengalami masalah infrastruktur sistem pengaliran tidak sempurna selain ketiadaan kawasan kolam takungan banjir.

Namun katanya, dengan dunia berdepan isu ketidak-tentuan iklim selain paras air laut sentiasa meningkat saban tahun, satu perancangan untuk solusi tuntas sewajarnya dikemukakan kerajaan.

"Pada zaman saya, bagi menyelesaikan masalah banjir kilat yang sering melanda negeri Selangor, satu projek pembinaan Bandar Terusan (Canal City) sepanjang 17 kilometer, yang menghubungkan Kuala Langat, sudah diusahakan," katanya.

Jika projek itu berjaya dilaksanakan, beliau menegaskan, terusan yang menghubungkan dua tasik berkenaan mampu menyimpan air limpahan sungai berkapasiti lebih ratusan juta liter dalam tempoh seminggu.

"Malangnya projek itu dibatalkan oleh kerajaan Pakatan Rakyat (PR) yang mengambil alih Selangor pada tahun 2008," katanya.

Selain itu, masalah banjir kilat kerap berlaku termasuk peristiwa banjir besar Sri Muda sekitar tahun 1995, sehinggalah Menteri Besar Selangor ketika itu, Tan Sri Muhammad Muhd Taib mengambil inisiatif membina benteng sungai, kolam takungan banjir bernilai RM40 juta serta pembina-



Impak pembangunan tidak terancang di kawasan Taman Sri Muda, Seksyen 25 Shah Alam menyebabkan ribuan penduduk kawasan itu kini terjejas teruk akibat banjir besar di Lembah Klang, hujung minggu lalu.



